



PEMACU INTELEK

Program	Perbincangan Meja Bulat 2 - Agenda Bumiputera: Isu dan Cabaran
Tarikh	23 Februari 2024 (Jumaat)
Masa	10:00 AM - 12:00 PM
Lokasi	Rumah MASA

ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Aturcara Program
3. Laporan Program
4. Biodata Pakar Bidang
5. Transkrip
6. Senarai Kehadiran
7. Gambar Semasa Program
8. Hebahan Media Sosial

1. INFORMASI PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Tajuk Program	Perbincangan Meja Bulat 2 - Agenda Bumiputera: Isu dan Cabaran
Pengenalan	<p>Pemeriksaan agenda Bumiputera bermula dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970. Ia merupakan satu strategi penyusunan semula ketidaksamaan ekonomi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.</p> <p>Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesenjangan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara Bumiputera dan kaum Cina meningkat hampir empat (4) kali ganda daripada RM497 (1989) kepada RM1971 (2019). Dalam isu pemilikan ekuiti korporat pula, Bumiputera ketinggalan di belakang bukan Bumiputera dan warga asing sejak 50 tahun lalu, dan tidak mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti ditetapkan DEB. Ini menunjukkan bahawa realitinya, Bumiputera masih ketinggalan dari segi pendapatan, pemilikan kekayaan dan taraf sosioekonomi.</p> <p>Ini ditambah dengan impak pandemik COVID-19 yang merubah kestabilan landskap ekonomi, sosial dan politik sejagat - sekaligus menjejaskan kedudukan sosioekonomi Bumiputera di negara ini, yang kekal menjadi antara cabaran utama DEB serta RMKe-12.</p> <p>Kerajaan kini sedang mengatur satu kongres ekonomi Bumiputera bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda yang lebih adil, saksama dan inklusif.</p>

1. INFORMASI PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Objektif program	<p>Secara khusus, objektif RTD ini adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Untuk mengumpulkan pakar bidang dan subjek bagi mengupas isu-isu berkaitan permasalahan sosioekonomi bumiputera;2. Mewujudkan platform untuk pertukaran idea dan pendapat dalam kalangan ahli pakar; dan3. Untuk mengumpulkan input serta pandangan dalam pendekatan baharu agenda Bumiputera
Platform	Fizikal dan <i>online</i>
Tarikh	23 Februari 2024; Jumaat
Masa	10:00 AM - 12:00 PM
Lokasi	Rumah MASA

2. ATURCARA PROGRAM

MASA	PERINCIAN
10:00 AM	Ucapan Alu-aluan dan Pengenalan YBrs. Encik Azril Mohd Amin Ketua Pegawai Eksekutif MASA
10:10 AM	Sesi Perbincangan Moderator: YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan MASA
12:00 AM	Rumusan dan Penutup
12:15 PM	Sesi bergambar Makan tengah hari dan bersurai

3. LAPORAN PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Laporan Program	<p>Susulan daripada perbincangan sesi tertutup Perbincangan Meja Bulat pada 9 Februari 2024 yang lalu, MASA sekali lagi telah menganjurkan sesi tertutup Perbincangan Meja Bulat kedua bersama pemegang taruh dan pakar bidang yang berkaitan bagi membincangkan pencapaian serta hala tuju dalam agenda Bumiputera.</p> <p>Sesi perbincangan tersebut telah dihadiri oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya, YBhg. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), YBrs. Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya, dan YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad, Pensyarah di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).</p> <p>Sesi perbincangan tersebut dikendalikan oleh YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid selaku Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan MASA dan turut disertai oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin selaku Ketua Pegawai Eksekutif MASA.</p> <p>Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa input diperoleh yang dapat diimplimentasikan dalam hala tuju untuk mempertingkatkan status sosioekonomi Bumiputera di Malaysia.</p>

3. LAPORAN PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Maklumat Kehadiran	14 orang

4. BIODATA PAKAR BIDANG (I)



YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid

Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid adalah merupakan Profesor Adjung di Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya. Selain itu juga, beliau juga merupakan Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif bagi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Beliau telah menamatkan pengajian dalam peringkat PhD dalam bidang ekonomi di *Aberystwyth University, United Kingdom* pada tahun 1989 dan Ijazah Sarjana dalam bidang ekonomi di Universiti Malaya pada tahun 1980. Sebagai penganalisis ekonomi, beliau amat bergiat aktif dalam menghasilkan penulisan dan input berkaitan ekonomi.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (II)



YBhg. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk adalah merupakan Pengarah di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (B.A) dalam bidang sains politik dari Universiti DePaul pada tahun 1998 dan menamatkan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang sains politik di Universiti Malaya pada tahun 2006. Beliau pernah menjadi Sarjana Pelawat di pelbagai institusi antaranya ialah Institut Pengajian Asia dan Afrika, *Humboldt University* di Berlin, Pusat Kajian Asia Tenggara di *Northern Illinois University*, dan di Jabatan Sains Sosial, di *University of Fribourg, Switzerland*. Beliau telah melakukan penyelidikan yang meluas mengenai dasar sosial dan ekonomi di Malaysia dan antara penulisan beliau telah diterbitkan oleh jurnal terkemuka di Malaysia antaranya adalah *Kajian Malaysia*, *Akademika*, dan *Pertanika*. Beliau juga kerap menulis untuk ruangan CenPRIS yang muncul dalam *New Sunday Times*.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (III)



YBrs. Dr. Zulkipli Omar

Dr Zulkipli Omar adalah merupakan Felo Penyelidik Kanan di Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari *Southern Illinois University*, Amerika Syarikat. Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di universiti yang sama. Beliau telah dianugerahkan Sijil Peneraju Pertumbuhan Ekonomi daripada *Harvard Kennedy School of Harvard University, Cambridge*. Beliau pernah dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari tahun 2015 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Rektor/Dekan di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Tashkent, Uzbekistan dari tahun 2012 hingga 2014. Dr. Zulkipli kini merupakan Rakan Urusan Perunding Ekonomi Econsult Sdn.Bhd.

4. BIODATA PAKAR BIDANG (IV)



YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad

Dr. Masoud Yahoo Javad adalah merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang tenaga dan ekonomi alam sekitar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2016). Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda di *Mofid University*, Iran pada tahun 2007 dan Ijazah Sarjana di *Tehran University*, Iran pada tahun 2010. Beliau pernah dilantik sebagai Felo Penyelidik Pasca Kedoktoran di *Kharazmi University*, Iran dari tahun 2017 hingga 2023 dan selaku Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari tahun 2016 hingga 2017.

5. TRANSKRIP (I)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pengenalan oleh Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Bismillahirrahmanirrahim, selamat datang kepada semua ahli panel kita pada pagi ini, kita pergi terus kepada objektif pada perbincangan meja bulat kita pada pagi ini. RTD 1 hari itu, kita telah pun membincangkan isu dan cabaran bagi pencapaian sosio-ekonomi Bumiputera ini tetapi yang kurang adalah saya rasa dari segi penilaiannya. Apa yang ada di Agenda Bumiputera. Saya juga ingin menekankan di sini objektif yang paling penting sekali adalah untuk satu <i>position paper</i> ataupun kedudukan Institut MASA untuk dibentangkan dalam Kongres Ekonomi Melayu yang akan diadakan pada 29 Februari ini. Oleh itu, itu adalah objektif MASA jangka pendek, yang jangka panjang pula, Institut MASA sendiri ingin membuat kajian jangka panjang berkaitan pencapaian sosioekonomi Bumiputera.</p> <p>Jadi sebelum kita mulakan, elok juga kalau saya berikan sedikit latar belakang bagi memandu RTD 2 ini. Masa yang sama diberikan dan saya ada beberapa perkara yang ingin saya gariskan di sini, mungkin bila saya buat pembentangan ini nanti mungkin kita akan dapat lihat beberapa perkara yang sebenarnya kita dah bincang dalam Jawatankuasa Teknikal baru-baru ini. Saya harap kita akan dapat ambil beberapa perkara untuk dibincangkan.</p>

5. TRANSKRIP (II)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pengenalan oleh Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Kalau kita lihat dari segi latar belakangnya, pendapatan per kapita Malaysia adalah ketiga tertinggi selepas Singapura dan Indonesia. Maknanya, ada yang kedua yang telah pun memotong Malaysia, sama ada Brunei di ASEAN. Pada masa yang sama juga, pekali kita memang dah turun tetapi bila sampai ke 0.4 ni dia agak lambat macam dia berat tak bergerak sangat. Saya ada tengok dekat dalam MINDA pun ada bentang perkara ini, sebab MINDA nak buat ke arah pelan induk ASEAN pada tahun 2025, Malaysia akan jadi teraju. Ketaksamaan pun dah bertambah antara negeri yang kurang maju dan negeri maju. Kalau Dr Dzul, Selangor kiranya adalah negeri maju kan, kalau negeri yang kurang maju ini macam enam negeri dalam cara Rancangan Malaysia ke-12 iaitu termasuk Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. 6 negeri itu dipanggil kurang maju. Yang ini kita kena lihat sama ada dekat situ ke penumpuan jurang perbezaan dan bukti peningkatan ekonomi sosial. Ni tak perlu cerita panjang, banyak cerita dalam isu sosio ekonomi yang semakin meningkat ini. Terutama kos sara hidup meningkat disebabkan oleh makanan sendiri dah meningkat. Dan pengagihan pendapatan yang lebih luas, gaji dan sebagainya. Sebenarnya kepala kepada perkara yang kita nak buat ada dekat atas tu, <i>corporate, equity</i> dan pendapatan. Jadi kita akan tengok pada tiga perkara yang kita nak fokuskan pada hari ini dan yang terakhir sekali peningkatan kesaksamaan pendapatan yang kita sebut dalam RTD yang pertama, COE 32.5 peratus dan GOS 67.5 peratus.</p>

5. TRANSKRIP (III)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pengenalan oleh Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Kemudian, perkara utama pelebaran modal yang tadi disebut cuma nak pecahkan lagi, kurang lebih intervensi daripada kerajaan dan tidak diberikan akses untuk data Bumiputera secara keseluruhan. Baru nak buat data PADU, tapi tak tahu lagi macam mana keadaan dia. Seterusnya, kita boleh tengok profil Bumiputera daripada tahun 2021, 2022, dan 2023. Ini kita boleh buat pada asas untuk impak COVID-19 terhadap sosioekonomi Bumiputera. Seterusnya, komposisi kaum Bumiputera, Cina, India dan lain-lain. Ini sahaja empat yang ada. Kemudian, populasi Bumiputera bandar dan luar bandar. Tiga agenda yang saya katakan tadi <i>corporate, equity</i> dan pendapatan. Seterusnya, permilikan ekuiti yang ada sekarang ni. Kalau kita tengok Bumiputera ada 17.4 peratus sahaja pada tahun 2019.</p> <p>Yang saya lihat dekat dalam Kongres Ekonomi yang mengatakan cuma pada kongres ekonomi yang kedua sahaja yang betul-betul berkesan sebab ditingkatkan melalui MARA dan juga GLC supaya ekuiti Bumiputera dapat ditingkatkan. Sebabnya pada tahun 1990 itu naik kepada 19.3 peratus, jadi ada ketara sedikit di situ. Kemudian, sekarang hak milik ekuiti dalam sektor korporat, Bumiputera, bukan Bumiputera, asing dan nomini. Bumiputera pun tak ada pecahan banyak kat situ cuma dia tulis dekat situ Bumiputera, termasuklah Melayu, orang Asal dan sebagainya. Ini juga digunakan oleh EPU.</p>

5. TRANSKRIP (IV)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pengenalan oleh Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Seterusnya adalah hak milik Bumiputera, kalau kita tengok tahun 1970, Bumiputera 3 peratus dah naik ke 23 peratus, nampak macam mencapai kejayaan tetapi kejayaan ini apa yang dikatakan Artikel 153 itu, dimonopoli oleh golongan T20. Ini yang kita lihat dari tahun 1970 hingga 2011, nampak seperti Bumiputera ini mencapai kejayaan. Cuma pencapaian ini mungkin rasanya sederhana ataupun tidak serata kepada semua negeri yang ada di Malaysia.</p> <p>Seterusnya adalah pemilikan pertumbuhan ekuiti korporat, nampak menurun sedikit pada tahun 2002 dan meningkat balik selepas tahun 2011. Kalau boleh kita nak yang terbaru la sampai tahun 2023. Ini profil pendapatan, terdapat jurang pendapatan dan agihan pendapatan. Latar belakang ini, kejayaan mungkin kita boleh katakan, berjaya dari pada tahun 1970 hingga 2012 daripada RM 264 sahaja pendapatan purata pergi ke RM 5000. Nampak macam berjaya. Untuk kemiskinan, 49.3 peratus jadi 1.7 peratus. Kebelakangan ini, kita kata 0.6 peratus begitu. kemiskinan tegar pun begitu juga, 0.2 peratus mengikut kadar JPN, kata dah 0 peratus terus tak ada, sebab yang terakhir sekali pun PMX pun dah beri kenyataan tiada miskin tegar di Kuala Lumpur, kawasan yang bandar lah. Penurunan pekali juga begitu.</p>

5. TRANSKRIP (V)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pengenalan oleh Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Jika kita lihat kaum India 0.443 peratus lagi, dan ada juga nisbah ketidaksamaan juga luar bandar dan bandar, kaum Cina dan Melayu ada tanda peningkatan tapi adakah itu cukup untuk menyatakan semua orang puas hati tentang ketaksamaan. Kita bentang ini, tapi data ini bukan terkini (tahun 2012), kalau boleh ada yang nak kemaskini, boleh kemaskini. Seterusnya, berkenaan dengan jurang dalam bandar dan luar bandar, pendapatan luar bandar juga rendah dan jurang meningkat. Begitu juga, pendapatan dengan etnik lain juga meningkat. Jadi jurang pendapatan di luar bandar lebih lagi rendah. Kalau tengok di bandar itu 57.42 peratus tetapi di luar bandar 30.80 peratus. Cuma kos hidup di bandar lebih tinggi berbanding luar bandar. Cuma kita tak tahu lah isunya.</p> <p>Di pra Kongres Ekonomi Bumiputera, mereka melihat di tahap mikro dan makro. Isu-isu berkenaan dengan kejayaan Bumiputera. Melihat pada KDNK, kita lihat dari sudut keseluruhan ekonomi, Bumiputera pada tahun 2014, 30.9 peratus bukan Bumiputera 49.1 peratus dan Malaysia keseluruhan 1.1 trillion per kapita. Berkenaan income per capita, dia pecahkan kapasiti produktif sebuah ekonomi mengikut lebih operasi kasar yang mana ada dua, COE dan GOS. Ini pecahan sahaja, tetapi sama ada lebih operasi kasar itu boleh ke disebut sebagai wakil Bumiputera.</p>

5. TRANSKRIP (VI)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pengenalan oleh Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	Kita kembali kepada perbincangan kita, apa yang kita nak capai hari ini adalah perkara yang sama seperti RTD 1, dalam RTD 1 kita dah tengok sedikit di WHY part, dalam isu dan cabaran itu kita dah tengok kenapa Melayu masih lagi ketinggalan.
2.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Bagi saya kejayaan ini bukan kejayaan sangat, sebab ada juga kemiskinan tegar itu bukan Bumiputera, jadi nak kata berjaya itu bagi saya tidak. Yang bukan Bumiputera ini seperti komuniti kaum India. Tapi mengikut data ini pun, dia tak ada berkenaan dengan kemiskinan Bumiputera dan bukan Bumiputera dan nisbah ketidaksamaan. Katakan miskin tegar dan miskin mutlak itu ada berapa, katakan ada lebih kurang 500,000 isi rumah contohnya, daripada 500,000 isi rumah itu, yang Bumiputera berapa dan bukan Bumiputera berapa.

5. TRANSKRIP (VII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
2.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p>Cuma saya fikir isu bandar dan luar bandar ini tak menjadi isu yang besar. Ramai penduduk di Malaysia ini dah dikatogerikan duduk di bandar. Tapi saya rasa kalau boleh pecahkan lagi pasal Bumiputera, bukan Melayu, Cina dan India sahaja. Orang Asal Sabah dan Asal Sarawak juga. Kalau boleh dapatkan data berkenaan ini, ia akan menjadi unik dan nilai tambah pada kajian MASA.</p> <p>Angka yang ditunjukkan ini pun kita jadi skeptikal, kita nak bincang terperinci pun buat apa? Saya dulu pernah ditanya, apa produktiviti pekerja Bumiputera dengan produktiviti pekerja bukan Bumiputera? itu pun kita tak boleh jawab, tapi kita cuba rasa lah sebab saya rasa produktiviti Bumiputera ini memang lebih rendah daripada bukan Bumiputera. Tapi berapa peratus, kita tak boleh jawab. Sebab tak akan ada data seperti itu.</p> <p>Saya fikir, kita perlu tentukan apa objektif dan arah kertas itu, dan baru kita boleh masukkan data-data.</p>

5. TRANSKRIP (VIII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
3.	Input dari Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	<p>Kena tunjuk data yang terkini. Kita dah ada semua data yang terkini. Ni lagi satu, definisi kemiskinan, yang ini definisi tahun 2012, definisi lama, definisi baharu sudah di kemaskini pada tahun 2018, 2019. Kalau kita cakap pasal pendapatan ini saya rasa, baik kita masukkan penengah dan purata supaya kita dapat gambaran lebih baik.</p> <p>Sebab itu berkenaan dengan pekali, saya cadangkan gunakan <i>Palmer Ratio</i>, sebab <i>Palmer Ratio</i> dia akan tunjuk gambaran lebih jelas. Dia akan tunjuk kesepuluh terbaik dan bandingkan dengan yang rendah. Kalau guna pekali dia tak nampak pengagihan itu. <i>Palmer Ratio</i> akan nampak lagi besar. Dekat sini pun tak ditunjukkan saiz ekonomi Bumiputera berapa.</p> <p>Pertama sekali, kita kena tengok isu ini untuk jadikan perbincangan ini lebih objektif, kemudian kita cari data yang berkaitan untuk menyokong. <i>You have to identify the issues first.</i></p>

5. TRANSKRIP (IX)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
4.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Kita sudah ada letakkan objektif kajian, ada dalam slaid RTD 1 itu, yang ada 3 objektif itu, sebagai panduan untuk kita buat <i>position paper</i> itu. Objektif pertama, jangka masa panjang kita mahu buat satu paper pada tahap makro dan agenda sosioekonomi Bumiputera dan kita dulu telah pun buat satu <i>situational analysis</i> terhadap kemiskinan yang kita dah buat di Penang. Jadi, kita nak jajarkan dengan apa yang kita dah buat sekarang. Saya kira ada 3 objektif, yang pertama kita mahu lihat dari segi tahap makro, yang kedua impak dari COVID-19, dan yang ketiga adalah untuk menilai pencapaian dan cabaran DEB sekurang-kurangnya. Yang ketiga ini yang kita nak bincang ada hari ini. Kita nak buat <i>position paper</i>, tetapi <i>position paper</i> ini tidaklah menyokong dan mengikut aliran sahaja. <i>It could be different from what we are talking about.</i></p>

5. TRANSKRIP (X)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
5.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Saya rasa awak kena tulis objektif ini dengan lebih jelas supaya kita boleh nampak. <i>What is it the real issue and challenges of Bumiputera?</i> Mungkin kita boleh lihat dalam Artikel 154 Perlembagaan Persekutuan, apa yang Bumiputera hendak dalam Perlembagaan Persekutuan?
6.	Input dari Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	Kalau kita nak bercakap pasal NEP ini, masih relevan ke? sebab benda ini dah jauh melepasi, ini dah lepas NEP, NEM, ini dah lebih 20 tahun punya isu. 20 tahun kebelakang baru kita nak korek pencapaian NEP kan? Jadi itu pun satu benda yang kita kena jelas.

5. TRANSKRIP (XI)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
7.	Input dari Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM.	<p>Saya ada dengar mengenai ini, Artikel 153 ni kita tak pernah rujuk maksudnya, Yang di-Pertuan Agong seharusnya melihat pencapaian bumiputera di bawah Artikel 153 dan kita tak pernah semak semula pencapaian bumiputera. Apa yang boleh Bumiputera capai dan tidak capai.</p> <p><i>In my opinion, if we talk about NEP for instance, the NEP effectively ended in 1990 but by 1990, we do not achieve 30 per cent corporate equity and also if we look at what is happening now, it is more or less the same thing that happen before. Because if you look at the in terms of median household income, I don't know what's the average or median, even if you look at median household income, the Bumiputera household income in the country still the lowest, but of course we need to this disaggregate the data, Bumiputera in peninsular and Bumiputera in Sabah dan Sarawak. So, I think the issue is more or less the same, after 1969. The issue of low income household, even the goal to create bumiputera commercial and industrial community (BCIC), I think that the goal has not been achieved. Even though the NEP has in one we are another created accessible middle income Bumiputera through human capital development policy by sending bumiputera for higher education and so on. But even that is also slowly diminishing.</i></p>

5. TRANSKRIP (XII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
7.	Input dari Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM.	<p>Kalau kita tengok saya rasa isu dia tetap sama walaupun tadi ada peningkatan daripada segi korporat ekuiti dan sebagainya, tetapi adakah <i>private</i> Bumiputera sebagai contoh bumiputera persendirian berapa banyak dia ada bahagian dalam pasaran saham dan sebagainya. Saya rasa isunya masih sama, cumanya sekarang ni cabarannya berbeza. <i>Based on my research that I have done in Penang, Penang is quite unique, because it is the only state in Malaysia that has dedicated unit to assist Bumiputera. Coordination and Participation section of Bumiputera under the Prime Minister's Office and there are also a lot of Bumiputera implementing agencies in Penang, PERDA, UDA dan MARA and so on that try to assist Bumiputera since 1974 and yet if you look at the median household income in Penang is still low so government intervention, in other words, did no benefit the Bumiputera. Even though, government has spent a lot of money, especially in the manufacturing and the services sector. That is what happened in Penang. I cannot generalize what's happening in other national level. In Penang, manufacturing services has very small participation and Bumiputera did not even become a subcontractor for multinational corporation. When Lim Chong Eu set up the free trade zone in Penang, when the multi-national corporation came in, Intel, Motorola and so on, the sub-contractors to the multi-national corporation are the non-Malays. If we look back at what is the real issue in my mind despite the government, NEP for instance, then the new development policy and so on, how has government intervention benefited the Bumiputera?</i></p>

5. TRANSKRIP (XIII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
8.	Input dari Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	<p>Sebelum kita teruskan, kita kena jelas bagaimana kita nak tunjuk jurang perbezaan median pendapatan ke purata, pertama sekali, perlu ada statistik, ada ke tidak jurangnya. Walaupun nombor berbeza, tapi adakah perbezaan itu ketara? Kalau nak jadi lebih teknikal, perlu ada data-datanya. Baru jelas, nampak pendapatan Cina lebih tinggi atau sama ada pendapatan itu mempunyai perbezaan yang ketara. Itu kena uji dahulu. Kemudian saya setuju dengan Prof. Azeem tadi, rasanya kita ini, persepsi bahawa Bumiputera ini lemah, sebenarnya boleh jadi intervensi itu tidak ada. Salah dari segi intervensi itu. Intervensi tidak berkesan untuk mengeluarkan orang Melayu dari persepsi lemah itu. Intervensi itu yang menyebabkan hal ini terjadi. <i>I think that is the issue.</i> Tapi benda tu dia susah nak dibuktikan. Maknanya, apa yang saya katakan, tanpa campur tangan, boleh jadi orang Melayu boleh jadi lebih baik. Contohnya la kan, tapi kita tak tahu, ia sangat taktikal. Bila mana ada intervensi, mungkin yang kaya menjadi lebih kaya, itu yang saya kata tadi ketaksamaan. Ramai yang T20, orang atasan yang kaya raya, tetapi tak sampai ke bawah kerana adanya intervensi itu, untuk menyokong orang korporat. <i>I think that is the issue.</i></p>

5. TRANSKRIP (XIV)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
9.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	Sebenarnya kita ada bincang dalam RMK-12 yang di mana NEP dah tamat, tetapi masalah tetap belum selesai. Jadi adakah kita mahukan sesuatu dasar baharu? macam MASA kami ada masukkan di dalam WKB 2030 dan dalam hal ini, MADANI pulak masuk dalam itu.
10.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Boleh tak jelaskan apa maksud kemakmuran bersama itu? maksudnya dalam tempoh sampai 2030 itu kita akan makmur? Apa maksud dia sebenarnya? Apa definisi dalam versi kita?

5. TRANSKRIP (XV)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
11.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Kalau tengok dalam internet, kemakmuran bersama ini definisi dari UK atau Europe, selalunya kita semua kapitalis ataupun orang yang memegang kuasa dalam pasaran dan politik tetapi sekarang lebih kepada SDGs dan dia sebarkan dan agihkan kekayaan. Maksudnya keterangkuman, kemampuan dan sebagainya.</p>
12.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p>Kalau kita ambil konteks dari Artikel 153, maknanya kemakmuran bersama itu di dikongsi antara kumpulan etnik. Itu maksud kemakmuran bersama. Jadi kita boleh cakap lagi berkenaan kemakmuran bersama, tentang jurang serantau pun boleh juga, jurang etnik, jurang serantau. Yang itu perlu jelas, sebab kita bercakap ini dari segi agenda Bumiputera maka kita perlu menentukan dengan jelas sama ada kita memerlukan dasar baru atau tidak.</p> <p>Bukan sahaja tentang ketaksamaan, apabila bercakap tentang Bumiputera ini kita ingat Bumiputera ini semuanya Melayu, tetapi sebenarnya tidak, dia termasuk Sabah dan Sarawak, Orang Iban, Orang Dusun dan sebagainya. Jadi, mereka ini lagi dalam masalahnya. Sekarang ini, yang saya risau juga, mereka punya pengaruh dan kehendak politik besar, mereka punya suara akan jadi lebih lantang lagi. Kita perlu berhati-hati bila cakap mengenai Bumiputera ini.</p>

5. TRANSKRIP (XVI)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
13.	Input dari Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM.	<i>I think when it comes to Peninsular, we have to come into conclusion that Malay majority states are poor (Terengganu, Kelantan, Kedah and Perlis). These states have more than 80% of the population are Malays. Even within the Peninsular itself. I think the agenda of Bumiputera is still being taken up by the government even now.</i>
14.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Kalau dalam pembentangan boleh tunjukkan ini semua, tetapi memperoleh data itu sangat mencabar tetapi unik sebab orang tak buat lagi, kalau boleh dapat.

5. TRANSKRIP (XVII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
15.	Input dari Dr. Masoud Yahoo Javad, Pensyarah di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM.	<p><i>Do not have data like that for 2020 from DOSM that the growth in income average income from Bumiputera is highest followed by Indian and Chinese. Objective for example they do not show any methodology so they work as the problem in the methodology side do not want to do just historical data just seem trend and so fun time series showing that this is a situation but then ask them for methodology what method have no idea just mention for cut the subsidy rational and the city for fuel have a good targeted objective to pay cash and deliver for optimum transfer payment but the problem is that they do not achieve to the conclusion for policy recommendation based on the specific methodology. That is a problem that we have here at this community. We can have this contribution in terms of methodology.</i></p>
16.	Input dari Dr. Zulkipty Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	<p>Kalau lihat, dari segi perspektif lebih besar, maknanya intervensi, kalau nak tambah baik semua itu, pendapatan apa semua, perlu bermula dengan skill, perkasakan orang ramai dengan itu. Kuota dan sebagainya tetapi bagaimana dia tak boleh jadi itu maknanya, ada yang bermasalah dengan intervensi tersebut. <i>With the given opportunity but you still cannot perform.</i></p> <p>Kita guna data ini sebab data ni sentuh terhadap banyak perkara. Jadi kita hadam betul-betul data ini, kemudian kaitkan dengan dasar yang sesuai.</p>

5. TRANSKRIP (XVIII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
17.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Kita boleh ceritakan tentang kejayaan mengurangkan kemiskinan, tetapi persoalannya bagaimana kedudukan kemiskinan itu bagi Bumiputera? Kita cuma sangka dan fikir masih ada permasalahan kemiskinan bagi Bumiputera.
18.	Input dari Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM.	<i>I think when it comes to the definition of poverty, I think we are still using absolute poverty but we are not moving towards living wage. So I think if we talk about living wage, I think the Bumiputera will be the worst condition.</i>

5. TRANSKRIP (XIX)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
19.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Agihan ini nampaknya tidak baik dan bila agihan ini kita bandingkan dengan Bumiputera dan kita rasa dalam penghapusan kemiskinan tadi siapa yang untung, kalau-kalau katanya tak baik, tidak sedar baik jadi bermakna yang menjadi jauh ketinggalan adalah kemungkinan Bumiputera. Kita tak tahu jadi yang makin bertambah baik adalah bukan Bumiputera. Jadi, bila berlaku ketidakseimbangan dan penurunan disebabkan ketaksamaan itu semua samalah. Jadi ada dua aspek lah, satu aspek dari segi kemiskinan dan dari satu lagi dari segi aspek agihan pendapatan tadi. Tapi tu juga umum sahaja, kita perlu selami Bumiputera lagi. Lepas itu, baru pergi ke Bumiputera, bagitahu yang miskin tu siapa je miskin itu.
20.	Input dari Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM.	Sebenarnya Dr, Khalid, berdasarkan data yang saya ada untuk Penang, E-kasih, kalau kita tengok di Penang, majoriti penerima E-kasih adalah orang Melayu. Sekarang saya tak tahu sama ada masih lagi ada atau tidak program E-kasih ini, tetapi kalau kita lihat penerima E-kasih di semua daerah, ada lima daerah, di setiap daerah, majoriti semua penerima E-kasih adalah orang Melayu. Kalau kita tengok di daerah Seberang Prai Utara, daerah ini adalah majoriti Melayu, penerimanya adalah 2,567 orang, Melayu sahaja 2,355 orang.

5. TRANSKRIP (XX)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
21.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p>Tapi saya lebih tertarik tentang Bumiputera ini, kalau you boleh pecahkan Melayu, bukan Melayu dalam Bumiputera ini macam mana? Keduanya, kita tengok dari segi bilangan orang-orang miskin, pendapatan isi rumah golongan miskin terutamanya Bumiputera dari keseluruhan Malaysia. Begini la, kita nak cari isi rumah miskin, pendapatan isi rumah miskin, berapa banyak yang ada? berapa ramai Melayu, berapa ramai Bumiputera, Cina dan India? Kalau dapat data ini, ini baru sebenarnya pengenalan. Mungkin kita boleh ambil juga kemiskinan tegar di Sabah misalnya miskin tegar banyak, berapa ramai orang melayu? Ini saya rasa la ya. Kali ini kita betul-betul mahu <i>zoom in</i>, baru la kita boleh apa sebenarnya isu dan masalahnya supaya kita boleh beri cadangan polisi yang betul pada pihak kerajaan.</p> <p>Fokus pada pendapatan isi rumah, tahap dan agihan dia dan fokus dari segi kemiskinan mutlak dan tegar. Yang lain nanti dulu, <i>multidimensional</i> nanti dulu. Kemiskinan bandar kalau dapat lagi bagu.</p>

5. TRANSKRIP (XXI)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
22.	Input dari Dr. Zulkiply Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	Maknanya sekarang ini, dari segi objektif utama, kita perlu fokuskan dahulu pada pendapatan sahaja, tak perlu tengok ekuiti korporat dan sebagainya lagi. Tengok pendapatan pun dah cukup dahulu. Contoh di Sabah, boleh jadi isu ketaksamaan, sebenarnya itu dia isunya.
23.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	Saya rasa elok juga kalau kita fokus satu sahaja itu terlebih dahulu. Kita nak keluarkan supaya konsep kemakmuran bersama itu orang dapat jelas dan faham. Saya tak tahu sama ada masa kita bentang WKB itu, orang masih lagi tak faham apa itu kemakmuran bersama.

5. TRANSKRIP (XXII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
24.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p>Jadi kita kena faham betul-betul berkenaan ini terlebih dahulu baru kita boleh bentang pada orang lain untuk faham. Saya terus terang, sehingga kini saya masih tak tahu kenapa 30 peratus pemilikan ekuiti itu. Itu saya tahu pada Kongres pertama dan kedua, tapi sampai sekarang tak terjawab. Mengapa 30 peratus dan ekuiti itu apa benda? Satu lagi, Saya ingin mengambil pandangan anda berkenaan kemiskinan serantau, kerana kebanyakan negeri yang miskin ini adalah majoritinya Melayu, disebabkan dia adalah negeri-negeri tidak bersekutu. Negeri-negeri tidak bersekutu ini semua negeri miskin. 6 negeri yang disebut tadi. Kalau Johor lain sedikit. Maknanya, ada struktur bila kita merdeka dahulu, dia ada negeri-negeri bersekutu, tidak bersekutu, dan negeri selat. Strukturnya sampai sekarang begitu juga, maknanya negeri selat ini secara umumnya mereka lebih maju. Negeri yang tidak bersekutu ini kebanyakannya mundur dan sampai sekarang masih mundur.</p>

5. TRANSKRIP (XXIII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
25.	Input dari Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	Jadi maknanya, apabila kita bercakap tentang kawasan, Sabah dan Sarawak perlu terbuka, tapi mereka tak mahu.
26.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Kalau kita lihat dalam sains politik, dualism dalam pembangunan kan, ada pertanian. Pendapatan isi rumah pun boleh kalau kita lihat orang Terengganu, Selangor, Kelantan, Penang dan Perlis. Kita dah buat juga di MIER tentang bila nak capai status negara maju. Jadi negeri-negeri yang lain macam mana? Memang tak boleh capai. Itu kalau nak, kita boleh tengok balik semula.

5. TRANSKRIP (XXIV)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
27.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	Kita lihat masa kita buat di MIER, kita tengok <i>line of national</i> dan dia bergerak bawah nasional. Jadi kita dapat tengok jelas, umumnya, negeri-negeri Melayu bersekutu.
28.	Input dari Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	Pendek kata, negeri-negeri yang tak bersekutu ini dia <i>brain drain</i> la ya. Orang lain tak boleh kerja, memegang jawatan macam Sabah Sarawak. <i>We cannot go there to work there. It's a brain drain actually.</i>

5. TRANSKRIP (XXV)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
29.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Mereka di negeri-negeri bersekutu ini mereka ada perkhidmatan awam negeri. Ingat tak kita buat dulu di Terengganu, nak pegang jawatan di kerajaan mesti orang Terengganu juga. Jadi kalau bukan orang terengganu tak boleh jadi pengarah dan sebagainya. Johor pun sama. Macam saya lagi teruk, saya boleh dikatakan separa-warga asing, kalau Masoud mungkin lebih teruk.
30.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	Okay, saya rasa lebih baik kita kekal pada yang ini, sikit tapi dapat membawa kepada sesuatu yang jelas dan signifikan.

5. TRANSKRIP (XXVI)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
31.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Tapi ini baru kita nak terangkan, belum lagi apa yang kita nak buat, sebab belum lagi, kita tak tahu bukan kita tak tahu kita dapat agak sahaja la tapi tak berapa jelas. <i>The picture is not very clear.</i>
32.	Input dari Dr. Masoud Yahoo Javad, Pensyarah di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM.	<i>So maybe we can add one figure showing the trend for the timeline showing that the specific policy relative to them to address these issue but after that we can conclude that is not effective but we need to show that during the timeline for different policies and new economic model, any policies showing from the 20 years ago.</i>

5. TRANSKRIP (XXVII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
33.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	Cuma selain daripada negeri bersekutu dan tidak bersekutu yang kita cakap dahulu, macam Penang dia lain sikit, miskin tapi miskin bandar, yang tadi miskin tapi di luar bandar.
34.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	Sebenarnya tak juga, Melaka dahulu luar bandar tapi sekarang kebanyakan tempat di Melaka dah berstatus bandar. Dan begitu juga Terengganu, tak banyak lagi yang berstatus luar bandar. Mungkin di Hulu Terengganu, yang lain-lain tempat dah jadi luar bandar dah. Dia dah naik ke tahap Majlis Perbandaran bukannya bandaraya punya status tetapi Perbandaran. Sebab itu di Semenanjung, mungkin bukan lagi isu lagi la yang itu, kebanyakan Sabah dan Sarawak memang ada la isu miskin bandar dan luar bandar ini.

5. TRANSKRIP (XXVIII)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
35.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Cuma itu la nak kata selain daripada struktur traditional dan konvensional, bila datang pembangunan, tumpuan dah lain. Selangor merangkumi 95 peratus GDP seluruh negara. Penang juga mengeluarkan barang-barang elektronik, pembuatan dan sebagainya. Sebenarnya nak sentuh kemakmuran bersama tadi, kenapa Melayu tak maju macam yang lain juga? Dia tertinggal ke belakang, jadi nelayan dan sebagainya. Kenapa tak terlibat dalam sektor-sektor yang lain macam pelaburan, pembuatan, perniagaan dan sebagainya?</p>
36.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p><i>Therefore, we assumes modern economic GDP will be more productive, so they give higher income.</i> Maknanya pertanian, produktiviti rendah yang primitif dan berpendapatan rendah. Mungkin ada kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar, tetapi untuk bincang di kawasan luar bandar mungkin tidak berapa jelas. Tetapi kalau tengok melalui pengagihan pendapatan relatif dia, di kawasan luar bandar ini kerana penduduk dia lebih ramai di kawasan bandar. Misalnya, orang di bandar kerja di sektor elektronik, dia sebenarnya miskin, walaupun duduk di bandar, gajinya rendah di bawah gaji yang wajar. Jadi isu dia isu produktiviti dan isu gaji, tapi yang itu isu menyeluruh tidak kira luar bandar dan bandar. Luar bandar lagi teruk. Jadi menarik untuk kita ketengahkan isu kemiskinan bandar antara kaum juga. <i>How many dimensions is that? Poverty in rural and urban and also among states/races.</i> Akan ada lagi isu yang timbul berkaitan kemiskinan ini.</p>

5. TRANSKRIP (XXIX)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
36.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p>Kita selalu kaitkan kemiskinan ini dengan pendapatan wajar, orang yang di luar kawasan bandar kita lihat kehidupannya memang tidak wajar untuk hidup dengan gaji sebegitu. Kebimbangan dan pendapat saya mengenai perkara ini, kalau kita nak bincang tentang negara maju, kebimbangan kita bukan lagi bercakap tentang kemiskinan mutlak, fokus kita patut terhadap kehidupan wajar. Bagaimana kehidupan kita secara mutlak dan kita tidak sepatutnya berpuas hati dengan itu, walaupun kebanyakan dari kita hidup dalam kemiskinan mutlak sudah berkurangan tapi hidup kita 70 peratus yang tidak wajar pendapatannya. Sebab kehidupan wajar, dalam kajian UM, Rata-rata pasangan bekerja di Malaysia sekurang-kurangnya isi rumah pendapatan RM7000, 75 peratus rumah tangga kita tidak akan dapat mencapai itu, RM7000 sebulan itu. Sekarang ini kita tengok median pendapatan RM4000-RM5000, tapi kalau kita tengok pendapatan kehidupan wajar masih jauh lagi kebelakang.</p> <p>Mungkin kalau tengok kehidupan Bumiputera yang tak wajar lagi dahsyat, kehidupan Bumiputera yang wajar dan tak wajar, lagi dahsyat. Lihat pada dimensi kemiskinan dan satu lagi dimensi kehidupan wajar dan tak wajar. Bila kita nak capai 2030, MADANI 2030, kita nak sampai kepada pendapatan wajar, kita nak kata semua isi rumah kita, sampai bila kita akan mencapai semua isi rumah yang mempunyai pendapatan yang wajar, sekarang ini, mungkin 30 peratus yang wajar dan mungkin kita mahu jadikan 70 peratus yang wajar.</p>

5. TRANSKRIP (XXX)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
36.	Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya	<p>Jadi di mana kedudukan Bumiputera pada waktu itu? dan sekarang ini bagaimana? dan saya rasa MADANI patut menanganinya. Boleh tengok dalam Jabatan Perangkaan tentang median pendapatan, berapa banyak orang Melayu dan sebagainya mempunyai pendapatan wajar dan tidak wajar. Kalau macam kita tengok pendapatan dah bertambah baik, kita lihat pula bagaimana penambahbaikan Bumiputera dalam ketidak wajaran itu. Kita fokus pada kemiskinan sahaja dahulu. Mungkin kita boleh membincangkan cara mengatasi kemiskinan di kalangan Bumiputera dan juga boleh bagitahu kemiskinan Bumiputera ini adalah masalah sebenar dan ia adalah masalah yang sangat besar jikalau kita tak tangani. Mungkin juga kita boleh fokus tentang kesejahteraan hidup berbanding kemiskinan, kalau tak mahu fokus pada kemiskinan, sebab kemiskinan adalah subset kepada kesejahteraan hidup. Itu lebih menarik pada pendapat saya. Kalau kita buat berkenaan ini ia mungkin bertindih dengan MADANI, berbanding kita bandingkan WKB dengan MADANI nanti dia akan jadi konflik nanti.</p>

5. TRANSKRIP (XXXI)

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
37.	Input dari Dr. Zulkipli Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya	<p>Macam Selangor atau Penang, sebab dia bagi penghijrahan dia dah pergi ke pembuatan dan berhijrah dari luar bandar pergi ke bandar tapi masa yang sama, saya rasa kita perlu menangani juga cara untuk meningkatkan produktiviti. Sebab sekarang ini kita beranggapan kalau nak jadi kaya, contohnya di Penang, kita kena berhijrah ke arah pembuatan sedangkan boleh juga jadi kaya kalau dia betul-betul dilahirkan untuk menjadi ahli pertanian. Kita tak mengenali mereka, dari segi polisi nya. Kalau kita tengok BELANJAWANKU ini, dia adalah bajet rujukan, kalau negara luar dia akan tengok bajet rujukan dia tak akan tengok PLI lagi.</p>
38.	Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA	<p>Ini pun dah banyak juga, pendapatan dan kemiskinan. Dalam RTD 1 itu hari, Tan Sri Sulaiman juga ada gariskan berkenaan pasaran Bumiputera juga, jadi banyak benda untuk kita fokuskan.</p> <p>Okay baik semua, saya rasa ini sahaja yang dapat kita bincang dan kongsi pada hari ini, terima kasih kerana dapat meluangkan masa yang panjang untuk berbincang dalam memberi input untuk kita buat <i>position paper</i> ini. Saya harap dengan banyak cadangan dan input daripada semua panelis dapat kita gunakan di masa depan. Kalau ada apa-apa input tambahan nanti sudi-sudi lah kongsi kepada kami. Terima kasih banyak. Assalamualaikum.</p>

6. SENARAI KEHADIRAN

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid	Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya
2	Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk	Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia
3	Dr. Zulkipli Omar	Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya
4	Dr. Masoud Yahoo Javad	Universiti Kebangsaan Malaysia
5	Tuan Azril Mohd Amin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
6	Dr. Khalid Abdul Hamid	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
7	Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
8	En. Muhammad Fadzil Anif	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
9	En. Muhammad Fikri Farudin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (I)



7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (II)



7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (III)



7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (IV)



8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (I)

Institut Masa Depan Malaysia
Published by Fadzil Anif · 23 February at 20:32 · 🌐

Susulan daripada Perbincangan Meja Bulat bagi membincangkan permasalahan isu serta cabaran yang dihadapi oleh golongan Bumiputera di Malaysia, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) sekali lagi telah menganjurkan sesi tertutup Perbincangan Meja Bulat pada 23 Februari 2024 bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan pencapaian serta hala tuju dalam agenda Bumiputera.

Antara yang hadir pada sesi tersebut adalah :

1. YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profes... See more

PEMACU INTELEK

SESI TERTUTUP

**PERBINCANGAN MEJA BULAT 2:
PENCAPAIAN AGENDA BUMIPUTERA**

📅 23 FEBRUARI 2024
🕒 10 PAGI - 12 TENGAH HARI
📍 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

TERIMA KASIH

PEMACU INTELEK
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (II)

PEMACU INTELEK

**PERBINCANGAN MEJA BULAT 2:
PENCAPAIAN AGENDA BUMIPUTERA**



TERIMA KASIH

PEMACU INTELEK
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

PEMACU INTELEK

**PERBINCANGAN MEJA BULAT 2:
PENCAPAIAN AGENDA BUMIPUTERA**



TERIMA KASIH

PEMACU INTELEK
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (III)

PEMACU INTELEK

**PERBINCANGAN MEJA BULAT 2:
PENCAPAIAN AGENDA BUMIPUTERA**



TERIMA KASIH

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

PEMACU INTELEK

**PERBINCANGAN MEJA BULAT 2:
PENCAPAIAN AGENDA BUMIPUTERA**



TERIMA KASIH

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (IV)

PEMACU INTELEK

**PERBINCANGAN MEJA BULAT 2:
PENCAPAIAN AGENDA BUMIPUTERA**

TERIMA KASIH

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

institutmasa

institutmasa Susulan daripada Perbincangan Meja Bulat bagi membincangkan permasalahan isu serta cabaran yang dihadapi oleh golongan Bumiputera di Malaysia, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) sekali lagi telah menganjurkan sesi tertutup Perbincangan Meja Bulat pada 23 Februari 2024 bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan pencapaian serta hala tuju dalam agenda Bumiputera.

Antara yang hadir pada sesi tersebut adalah :

1. YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya;
2. YBhg. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia;
3. YBrs. Dr. Zulkiply Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya; dan
4. YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad, Pensyarah di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi perbincangan tersebut dikendalikan oleh YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid selaku Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan MASA dan turut disertai oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin selaku Ketua Pegawai Eksekutif MASA.

Sesi anjuran MASA ini memberikan tumpuan kepada perbincangan terhadap pencapaian Bumiputera berdasarkan dasar yang dilaksanakan dan data yang diperoleh.

Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa input diperoleh yang dapat diimplimentasikan dalam hala tuju untuk mempertingkatkan status sosioekonomi Bumiputera di Malaysia.

[View insights](#) [Boost post](#)

♥ 🔍 📌

👤 Liked by [azmikhah.84](#) and 3 others
February 23

😊 Add a comment... [Post](#)



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA



#MAKMURBERSAMA

- INSTITUTMASA.COM
- info@institutmasa.com